

Helaian Keterangan Produk

Nota: Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum Orang yang Diinsuranskan membuat keputusan untuk membeli **Don't Worry Credit Shield** dan **Don't Worry Bereavement**. Orang yang Diinsuranskan juga patut membaca terma umum dan syarat bagi produk ini.

Nama Institusi Kewangan:	FWD Insurance Berhad <i>(dahulunya dikenali sebagai Gibraltar BSN Life Berhad)</i>
Nama Produk:	Don't Worry Credit Shield dan Don't Worry Bereavement
Tarikh:	<DD/MM/YYYY>

1. Apakah produk ini?

Don't Worry Credit Shield dan **Don't Worry Bereavement** adalah insurans kumpulan bertempoh yang diperbaharui setiap tahun. **Don't Worry Credit Shield** memberi perlindungan terhadap Kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (HUMK). **Don't Worry Bereavement** adalah satu rider pilihan yang memberi perlindungan terhadap Manfaat Perkabungan di mana Orang yang Diinsuranskan boleh memilih.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Ringkasan manfaat di bawah pelan asas		
<p>Don't Worry Credit Shield dan Don't Worry Bereavement menawarkan manfaat-manfaat berikut semasa Sijil Insurans masih berkuatkuasa.</p>		
<p>Don't Worry Credit Shield</p>	<p>Manfaat Kematian & Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Apabila berlaku kematian atau HUMK, Jumlah yang Diinsuranskan akan dibayar secara sekaligus. ▪ Jumlah yang Diinsuranskan didefinisikan sebagai jumlah baki penyata pada semua kad kredit utama Orang yang Diinsuranskan yang dilindungi, termasuk sebarang caj kewangan dan caj bayaran lewat, ditolak sebarang hutang, pada masa Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia atau menjadi HUMK tertakluk kepada jumlah amaun maksimum RM100,000 setiap Orang yang Diinsuranskan.
<p>Don't Worry Bereavement</p>	<p>Manfaat Perkabungan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ini adalah rider pilihan. ▪ Pada kematian, RM3,000 bagi setiap kad utama yang dilindungi akan dibayar kepada Orang yang Diinsuranskan sekaligus. Manfaat ini akan dibayar pada had maksimum Jumlah yang Diinsuranskan bagi kematian. ▪ Manfaat Perkabungan tidak akan dibayar jika manfaat kematian tidak dibayar.

3. Berapakah premium Orang yang Diinsuranskan perlu bayar?

- Anggaran jumlah premium yang perlu Orang yang Diinsuranskan bayar:
 - Don't Worry Credit Shield** - RM0.30 setiap RM100 Jumlah yang Diinsuranskan setiap bulan daripada jumlah tertunggak kad kredit utama Orang yang Diinsuranskan yang dilindungi.
 - Don't Worry Bereavement** - (Pilihan) RM6 setiap bulan akan dicaj bagi setiap kad utama yang dilindungi untuk Manfaat Perkabungan.
- Mod pembayaran premium: Bulanan

4. Apakah yuran dan caj perlu Orang yang Diinsuranskan bayar?
Nil.
5. Apakah terma dan syarat utama Orang yang Diinsuranskan perlu ketahui?
- Premium akan didebitkan dari penyata bulanan pemegang kad kredit.
 - Premium adalah tidak dijamin dan mungkin berubah bergantung pada pengalaman tuntutan kami.
 - Jumlah maksimum manfaat terkumpul yang dibayar di bawah pelan ini untuk kematian/HUMK (kecuali Manfaat Perkabungan) tidak boleh melebihi RM100,000 bagi setiap Orang yang Diinsuranskan.
 - Tempoh menunggu – kami tidak akan melindungi mana-mana penyakit atau sakit lama yang berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari (termasuk) dari tarikh berkuat kuasa permulaan perlindungan di bawah setiap Sijil Insurans.
 - Tempoh Pengamatan Percuma – Orang yang Diinsuranskan boleh membatalkan Sijil Insurans dengan mengembalikannya kepada kami dalam tempoh 15 hari selepas Orang yang Diinsuranskan menerimanya. Premium yang Orang yang Diinsuranskan telah bayar akan dipulangkan.
 - Orang yang Diinsuranskan atau wakil Orang yang Diinsuranskan mesti memberikan notis bertulis secepat mungkin selepas peristiwa tuntutan. Sebarang kelewatan dalam pembuatan demikian boleh menjejaskan taksiran tuntutan kami. Sila hubungi wakil Perkhidmatan Pelanggan kami yang akan membimbing dalam pengemukaan tuntutan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Polisi Induk untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah Sijil Insurans ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah Sijil Insurans ini?

Sijil Insurans ini mempunyai beberapa pengecualian tertentu, di mana manfaat tidak akan dibayar di dalam situasi-situasi tertentu. Di sini kami senaraikan pengecualian yang terpakai untuk Sijil Insurans Orang yang Diinsuranskan. Kami juga mungkin akan mengenakan pengecualian tertentu apabila kami menawarkan Sijil Insurans ini kepada Orang yang Diinsuranskan. Pengecualian tersebut akan direkodkan di dalam endorsmen Sijil Insurans Orang yang Diinsuranskan.

Pengecualian

- Jika Orang yang Diinsuranskan, dalam jangka masa satu (1) tahun dari tarikh mula berkuat kuasa, meninggal dunia atau hilang upaya menyeluruh dan kekal secara langsung atau tidak langsung akibat cubaan membunuh diri sama ada dalam keadaan waras atau tidak waras, liabiliti kami akan terhad kepada jumlah premium yang telah dibayar, tanpa faedah mengikut tarikh mula berkuat kuasa.
- Tiada manfaat HUMK akan dibayar jika ketidakupayaan adalah diakibatkan oleh kecederaan diri, pertandingan bahaya, penyakit yang ditanggung sebelum pengeluaran Sijil Insurans dan sebagainya.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Polisi Induk untuk senarai penuh pengecualian di bawah Sijil Insurans ini.

7. Bolehkah Orang yang Diinsuranskan membatalkan Sijil Insurans ini?
Orang yang Diinsuranskan boleh membatalkan Sijil Insurans bila-bila masa dengan memberi kami notis bertulis. Pelan ini bukan pelan simpanan, oleh itu tiada nilai tunai akan dipulangkan pada penyerahan atau penamatan.
8. Apakah yang perlu Orang yang Diinsuranskan lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan?
Orang yang Diinsuranskan hendaklah memaklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada Orang yang Diinsuranskan dengan sepatutnya.
9. Di manakah Orang yang Diinsuranskan boleh mendapat maklumat lanjut?
Sekiranya Orang yang Diinsuranskan mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

FWD Insurance Berhad 199301022976 [277714-A]
(dahulunya dikenali sebagai Gibraltar BSN Life Berhad)

Ibu Pejabat : Level 21, Mercu 2, KL Eco City,
No.3 Jalan Bangsar,
59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Talian Khidmat Pelanggan : 1300-22-6262 (Bebas Tol) / 03-2298 0088 (Talian Terus)

Laman Web : fwd.com.my

E-mel : ask@fwd.com

10. Jenis perlindungan lain yang serupa

Sila rujuk kepada kami atau pengantara kami untuk pelan lain yang serupa yang ditawarkan oleh kami.

NOTA PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH SATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA MASA PANJANG. ORANG YANG DIINSURANSKAN HARUS MEMILIH JENIS POLISI YANG MEMENUHI KEPERLUAN SERTA KESESUAIAN. ORANG YANG DIINSURANSKAN PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS SERTA BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Notis Penting Lain:

1. Orang yang Diinsuranskan haruslah berpuas hati bahawa Sijil Insurans ini memenuhi keperluan Orang yang Diinsuranskan serta premium yang perlu dibayar di bawah Sijil Insurans ini adalah di dalam kemampuan Orang yang Diinsuranskan.
2. Orang yang Diinsuranskan dinasihatkan untuk menyimpan resit sebagai bukti pembayaran premium.
3. Penggantian polisi insurans hayat sedia ada dengan polisi yang baru mungkin tidak membawa faedah. Jika Orang yang Diinsuranskan merancang untuk berbuat demikian, kami mencadangkan Orang yang Diinsuranskan mendapatkan nasihat dari syarikat insurans Orang yang Diinsuranskan sebelum membuat keputusan muktamad.
4. Sijil Insurans ini mungkin layak untuk perlepasan cukai tertakluk kepada kelulusan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.
5. Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "Cukai Berkenaan") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah Sijil Insurans ini, kami berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai bayaran tambahan kepada premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam Sijil Insurans ini mengenai pembayaran premium dan keingkaran akan turut digunapakai dengan Cukai Berkenaan.

FWD Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada <dd/mm/yyyy>.